

25 Disember 2023

Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP/PBAHB

INSIDEN SUNGAI PERAI:

PEMULIHAN BEKALAN AIR 99% PADA JAM 5.00 PAGI, 25.12.2023

- **PBAPP masih berkerja sepanjang masa untuk memulihkan bekalan kepada kira-kira 1000 pengguna di 7 kawasan kejiranan yang masih tidak menerima bekalan air kerana berada di penghujung saluran paip agihan (EoL) dan kawasan yang lebih tinggi.**
- **Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua dan tiga stesen pam utama (Bukit Dumar, Bukit Gedung dan Teluk Kumbar) beroperasi pada tahap optimum.**
- **Penggunaan air yang tinggi di Daerah Barat Daya dalam tempoh 72 jam yang lalu.**

PULAU PINANG, Isnin, 25 Disember 2023: Usaha pemuliharaan bekalan air di Daerah Barat Daya (DBD), Pulau Pinang, mencapai paras 99% pada jam 5.00 pagi tadi.

Bekalan air telah pulih untuk kira-kira 199,000 daripada 200,000 pengguna air yang terjejas akibat kejadian saluran paip pecah bawah air di Sungai Perai.

Kakitangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) masih bekerja sepanjang masa untuk menangani "isu setempat" dan memulihkan bekalan air di 7 kejiranan berikut yang berada di penghujung saluran paip agihan (EoL) dan kawasan tanah lebih tinggi:

1.	Hospital Balik Pulau	5.	Emerald Park
2.	Tingkat Relau	6.	Sunway Cassia
3.	Setia Sky Vista	7.	Flat Lily
4.	Vista Condominium		

Anggaran jumlah pengguna yang masih kekurangan air dianggarkan seramai 1000 pengguna. Pasukan lori tangki telah menghantar air ke semua kawasan yang terjejas. Majoriti isu bekalan air yang belum normalisasi di kawasan kejiranan ini adalah berkaitan dengan sistem retikulasi dalaman (paip) di premis yang terjejas.

Namun begitu, juruteknik PBAPP bekerjasama dengan syarikat pengurusan dan penduduk untuk mencuba dan menyelesaikan isu ini secepat mungkin.

Penggunaan air yang tinggi di Daerah Barat Daya (DBD) dalam tempoh 72 jam yang lalu

Sejak PBAPP memulakan kerja-kerja pemulihan bekalan air pada jam 2.00 petang pada 22.12.2023, terdapat penggunaan air yang tinggi di DBD Pulau Pinang, yang mungkin disebabkan oleh 2 faktor utama:

- Mengisi semula ratusan ribu tangki air kosong di semua premis kediaman, komersial dan perindustrian, termasuk di bangunan bertingkat; dan
- Persediaan menyambut perayaan Hari Natal.

Sehingga kini, PBAPP telah mengesan kebocoran yang minimum dan boleh diterima di tapak pembaikan saluran paip bawah air Sungai Perai sejak 22.12.2023. Tiada insiden saluran paip pecah besar sejak 22.12.2023.

Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua dan 3 stesen pam PBAPP utama (Bukit Dumbar, Bukit Gedung dan Teluk Kumbar) sedang mengepam air terawat ke kawasan DBD pada tahap optimum.

Sehubungan itu, PBAPP ingin memohon persefahaman dan kerjasama yang baik daripada pengguna air yang telah mempunyai bekalan air di DBD.

Sila kurangkan penggunaan air anda hari ini, jika anda boleh, supaya kami boleh mencapai pemulihan sepenuhnya perkhidmatan bekalan air hari ini. Kita perlu memulihkan bekalan air ke 7 kejuranan yang masih terjejas.

Terima kasih atas kesabaran dan pemahaman anda.

Dikeluarkan oleh : Farid bin Othman
Unit Komunikasi Korporat
Email : farid@pba.com.my